

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld XI  
Tarikh : 16 Mac 2012

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 03/2012**

Dekan/ Pengarah/ Ketua  
Fakulti/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit  
Universiti Kebangsaan Malaysia, dan  
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**KADAR KELAYAKAN PAKEJ HOTEL DAN KADAR KERAJIAN PENSYARAH / PROFESOR  
PELAWAT**

**1.0 Tujuan Pekeliling**

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi penetapan berkenaan kadar pakej hotel yang perlu diikuti oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk tujuan seminar, bengkel, sanggar kerja dan kursus supaya memberikan nilai yang terbaik selari dengan konsep perbelanjaan berhemah.

Pekeliling ini juga memberi panduan kepada semua PTJ UKM kadar dibenar untuk meraikan profesor/pensyarah pelawat.

**2.0 Syarat umum penggunaan pakej**

- a. Boleh mengguna perkhidmatan hotel dalam lingkungan 25km dari ibupejabat
- b. Kadar ini diguna untuk kakitangan UKM sahaja.
- c. Mesyuarat tidak dibenarkan diadakan di hotel.
- d. Pesanan Rasmi hendaklah dikeluarkan sebelum perkhidmatan diterima atau program berlangsung.

**3.0 Kadar Pakej Hotel untuk Seminar/Bengkel/Sanggar Kerja/Kursus**

**3.1 Kelayakan kadar pakej bermalam**

Kadar pakej hotel sehari dan bermalam untuk seorang adalah termasuk kos:

- i. Bilik penginapan
- ii. Makanan dan minuman

- iii. Bilik Seminar
- iv. Kelengkapan dan kemudahan bilik seminar yang asas

a. Kelayakan pakej untuk tugas rasmi seperti bengkel/sanggar kerja atau seminar:

Gred Gaji Kakitangan (SSM)	Kelayakan Pakej Termasuk Bilik Seminar
Utama Khas A	Kadar sebenar
Utama khas B, C	RM396.00
53,54	RM314.00
45 – 52	RM264.00
41 – 44	RM226.00
27 – 40	RM198.00
17 – 26	RM187.00
1 – 16	RM171.00
Pelajar Siswazah	RM198.00
Pelajar Pra-Siswazah	RM187.00

b. Kelayakan pakej untuk kursus:

Gred Gaji Kakitangan (SSM)	Kelayakan Pakej Termasuk Bilik Seminar
Utama Khas A	Kadar sebenar
Utama khas B, C	RM319.00
53,54	RM297.00
45 – 52	RM226.00
41 – 44	RM193.00
27 – 40	RM132.00
17 – 26	RM132.00
1 – 16	RM110.00
Pelajar Siswazah	RM132.00
Pelajar Pra-Siswazah	RM132.00

c. Jika kadar pakej melebihi kadar di 3.1 (a & b), lebihan kos boleh dibiayai oleh lebihan kelayakan kakitangan yang lain. Jika tiada lebihan kelayakan, maka lebihan kos adalah ditanggung oleh kakitangan sendiri.

d. Kadar pakej ini tidak termasuk caj perkhidmatan dan cukai kerajaan.

### 3.2 Kadar pakej seminar/bengkel/sanggar kerja/kursus tidak bermalam

- a. Kadar pakej termasuk makan dan penggunaan bilik seminar dengan keperluan asas
- b. Kadar pakej

Jenis Pakej	Kadar Pakej Termasuk Bilik Seminar Seorang
8.00 pagi hingga 5.00 petang	RM110.00
8.00 pagi hingga 10.00 malam	RM150.00

- c. Kadar ini terpakai untuk semua gred.
- d. Kadar pakej ini tidak termasuk caj perkhidmatan dan cukai kerajaan

### 4.0 Kadar Meraikan Profesor / Pensyarah Pelawat

- a. **Maksima** keraian dibenarkan hanya 2 kali sepanjang tempoh lawatan, iaitu semasa sampai dan semasa balik.
- b. Bilangan pengiring dari fakulti yang dibenarkan adalah **maksima 4** orang sahaja bagi setiap pelawat. Jika lebih dari 2 pelawat yang dirai pada sesuatu masa bilangan pengiring paling ramai adalah 8 orang sahaja.
- c. **Kadar maksima** yang dibenarkan adalah RM 100.00 / seorang sahaja.
- d. Keraian bergantung kepada adanya peruntukan PTJ / projek.
- e. Jamuan yang lebih dari kadar yang dibenar adalah dibawah tanggungan persendirian pegawai yang merai.
- f. Minuman keras (liquor) tidak ditanggung bayaran.
- g. Kadar ini tidak termasuk caj perkhidmatan dan cukai kerajaan.

### 5.0 Tarikh kuatkuasa Pekeliling

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

**"Akauntabiliti Pegangan Kita"**

Yang benar,



**MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL**  
Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
  - Pendaftar, UKM

Terima\_jbkkk